

salam@uitm

Bil. 04 Okt - Dis 2017
www.uitm.edu.my

sidang redaksi....

BULETIN SALAM

Okt - Dis 2017

Penaung
Profesor Emeritus Dato'
Dr Hassan Said

Penasihat
Alfina Bakar

Ketua Editor
Mohammad Syazwan
Mohd

Editor
Nurul Afnieza Md Zain

Pereka Grafik
Rosdi Abdul Hamid

Wartawan
Hanisah Yacob
Firdaus Abd Hanan
Nor Azlina Nordin
Hazizi Jantan

Foto
Roslan Daud
Shamsul Hidayat Omar
Shazana Shabuddin
Shahida Nordin

Edaran
Asura Rahman

Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang memberi kerjasama dalam menyalurkan sumber berita dan gambar yang telah dimuatkan dalam buletin ini.



Program Kesukarelawan Antarabangsa Diaspora Melayu UiTM 2017 ini telah julung kalinya dilaksanakan dengan tujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kesedaran dan kepekaan para pelajar terhadap beberapa aspek yang terangkum di dalam kesukarelawan pelajar termasuk aspek kesukarelawan sosial yang sangat dituntut dalam komuniti hari ini. Majlis pelepasan program telah dilancarkan oleh Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said, Naib Canselor di perkarangan Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin.

Program ini dianjurkan oleh Majlis Pengetua Kolej Kediaman dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam dengan kerjasama Pejabat Pengarah Pembangunan Pelajar UiTM, Pejabat Konsulat Jeneral Malaysia di Songkhla Thailand, Universiti Thaksin Songkhla, Pejabat Daerah Chana Songkhla dan Persatuan Imam Daerah Chana Songkhla. Program ini telah berlangsung dari 13 hingga 19 Oktober 2017.

Seramai 80 orang pemimpin pelajar kolej kediaman dan 20 orang staf kolej telah menyertai program ini. Pelajar yang terlibat telah menjalani program seperti program keluarga angkat, dimana seramai 40 keluarga telah terlibat. Selain itu juga para pelajar membuat lawatan di beberapa tempat seperti pusat anyaman bakul, projek pertanian Projek Pertanian Mulberry, Pusat Petro KimiaTrans Thai Malaysia (TTM) dan Kilang Ikan Bilis.

Aktiviti gotong-royong juga telah diadakan di Tanah Perkuburan Khok Khet, mengecat pagar dan dinding Masjid Darul Iman serta Kenduri Sekampung yang memasak dan menyediakan juadah ala Melayu Chana. Majlis penutup program ini telah diadakan di Pusat di Pusat Tahfiz Al-Falahiyah Islamiah Kg Padang Langgar Chana dan disempurnakan oleh Pegawai Daerah Chana.



PROGRAM KESUKARELAWANAN ANTARABANGSA DIASPORA MELAYU UiTM 2017

Bil. 04 Okt - Dis 2017



www.uitm.edu.my



UiTM Rasmi: www.facebook.com/uitmrasmi

Lensa Korporat: www.facebook.com/darilensakorporat

Konsep, Rekabentuk & Terbitan
Bahagian Canseleri Dan Komunikasi Korporat
Aras 2, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor